

TARIKH : 9 MAC 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

Tiada lagi subsidi untuk industri berdepan kesukaran

# Tiada lagi subsidi untuk industri berdepan kesukaran

**Kerajaan guna pendekatan baharu bersama atasi masalah**

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Hazwan Faisal Mohamad  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuala Lumpur:** Kerajaan tidak lagi akan memberi subsidi kepada sektor dan industri yang berdepan kesukaran, sebaliknya mengambil pendekatan untuk bekerjasama dengan mereka mengatasi masalah dihadapi.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata sudah menjadi kelaziman pada masa lalu, apabila sesuatu sektor dan industri tertentu mengalami masa sukar, mereka akan merayu kepada kerajaan untuk memberikan subsidi.

Sebagai contoh, katanya amalan itu berlaku apabila harga bahan mentah dalam industri itu didapati naik mendadak.

"Pendekatan (baharu) yang kita ambil ialah mahu beralih daripada suntikan wang berbentuk subsidi semata-mata kepada industri tertentu yang tidak mengubah apa-apa, (ibarat) beri 'panadol' ketika demam, itu sahaja.

"Yang kita mahu lakukan ialah kerajaan sememangnya terbuka untuk membantu apabila sesuatu industri itu ada masalah dan sebagainya, tetapi bentuk bantuan itu kita mahukan supaya ia mengubah struktur industri itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menjadi panelis pada Invest Malaysia di sini, semalam. Sesi panel itu dikenalakn Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Bhd, Datuk Muhamad Umar Swift.

Rafizi berkata, sebagai contoh, ada beberapa industri yang ber-

gantung banyak kepada penggunaan gas dalam proses (perniagaan) mereka.

#### Ubah struktur operasi

"Apabila harga gas naik mendadak sudah tentu kos mereka melonjak. Kerajaan lebih cenderung membantu mereka menukar sumber tenaga daripada gas, contohnya kepada biojisim.

"Sebab itu, jika mahu membuat sendiri, mereka memerlukan sedikit sebanyak bantuan.

"Namun, bantuan atau diberikan kerajaan itu mengubah struktur dan operasi industri berkenaan supaya dapat menyelesaikan masalah sedia ada.

"Itu maksud saya yang kerajaan cenderung untuk bekerjasama dengan industri supaya sebarang bentuk bantuan bukan berbentuk subsidi seperti sebelum ini, tetapi berbentuk bantuan yang akan mengubah serta menguatkan daya saing sesebuah industri itu," katanya.